

18/10/1997

PM yakin tarik pelabur tulen

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Belanjawan 1998 yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini, berupaya menarik minat pelabur tulen kembali melabur di Malaysia.

Sambil menyifatkan belanjawan kali ini agak kurang selesa ekoran krisis mata wang walaupun tidak menyakitkan, Perdana Menteri berkata, Malaysia hanya berminat dengan pelabur asing yang benar-benar jujur.

Menurutnya, Malaysia tidak memerlukan pelaburan daripada mereka yang hanya berminat membeli saham dan kemudian beralih ke negara lain selepas memperoleh keuntungan.

"Itu bukan pelaburan. Itu sebenarnya perniagaan spekulasi dan manipulasi. Pelaburan seperti itu yang kita tidak berminat. Jika mereka tidak melabur sekalipun, kita tidak kisah," katanya kepada pemberita selepas pembentangan Belanjawan 1998 oleh timbalannya yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dr Mahathir berkata, petanda awal minat pelabur asing untuk melabur di negara ini sudah ditunjukkan oleh beberapa usahawan asing. Dalam pertemuan beliau dengan usahawan dari Jerman hari ini, mereka sudah menyatakan minat untuk mendirikan kilang di negara ini.

Ketika ditanya mengenai strategi negara dalam menangani masalah nilai mata wang, Perdana Menteri berkata kerajaan memang mempunyai strategi tetapi orang yang menekankan soal mata wang bukan mengira strategi.

"Mereka tidak peduli langsung soal strategi dan kedudukan mata wang kita. Mereka menekankan nilai mata wang itu kerana mempunyai agenda lain," katanya.

Menurut Dr Mahathir, Malaysia pernah mencadangkan supaya dagangan mata wang dikawal mengikut mata wang dan pasaran tertentu tetapi proses itu mengambil masa dan orang terbabit terus bermaharajalela.

"Selagi mereka bebas membuat dagangan ini tanpa sebarang kawalan, tiada sebuah negara membangun yang akan terselamat daripada perbuatan buruk itu," katanya.

Mengenai kemungkinan kerajaan meneruskan kembali projek mega jika mempunyai peruntukan kewangan mencukupi, beliau berkata, ia sudah pasti kerana ia projek infrastruktur.

"Tapi, jika saya kata kita boleh teruskan bila ada duit, serta-merta ia akan menjadi alasan untuk menyerang ringgit. Mereka akan memastikan kita tidak mempunyai duit," katanya.

Kepada satu soalan wartawan asing, Dr Mahathir berkata Malaysia terpaksa beralih kepada era teknologi maklumat (IT) sebagai usaha untuk meningkatkan ekonomi dan pendapatan penduduk negara ini.

"Kita sebenarnya tidak mempunyai pilihan. Ketika ini pun kita sudah mempunyai kekurangan pekerja dan lantaran itu terpaksa beralih kepada IT supaya negara tidak terlalu bergantung kepada pekerja asing," katanya.

(END)